



**KEMENTERIAN
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

PLANMalaysia
Perancangan Melangkaui Kelaziman
Plannina: Beyond Conventional

TEKS UCAPAN PERASMIAN

**YAB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
PERDANA MENTERI MALAYSIA**

BAGI



**MAJLIS SAMBUTAN
100 TAHUN PERANCANG BANDAR DI MALAYSIA SEMPENA HARI
PERANCANGAN BANDAR SEDUNIA TAHUN 2021 PERINGKAT
KEBANGSAAN**

9 NOVEMBER 2021 (SELASA)

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera dan salam Keluarga Malaysia.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah kita semua diberi kesihatan yang baik untuk bersama-sama menjayakan **Sambutan 100 Tahun Profesion Perancang Bandar di Malaysia yang disambut bersekali dengan Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) Tahun 2021 Peringkat Kebangsaan.**
2. Terima kasih kepada **YB Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican**, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Saya amat berbesar hati atas jemputan ini.
3. Saya difahamkan, profesion Perancang Bandar di Malaysia telahpun genap usia **100 tahun pada 18 Januari 2021** yang lalu. Dalam tempoh 100 tahun, profesion ini telah mempunyai Akta profesional sendiri iaitu **Akta Perancang Bandar 1995 [Akta 538]** yang dinaungi oleh **Lembaga Perancang Bandar Malaysia (LPBM)** serta kawal selia melalui **Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172]** yang telah diterima pakai di semua negeri di Semenanjung Malaysia.
4. Selari dengan Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan yang meletakkan perancangan bandar dan desa dalam Senarai Bersama, maka diwujudkan juga Jabatan Persekutuan khusus iaitu **Jabatan Perancangan Bandar dan Desa** atau kini dikenali sebagai **PLANMalaysia.**
5. Sememangnya peranan profesion ini amat signifikan dalam merangka dasar pembangunan negara. Dengan adanya Perancang Bandar, pelbagai **perancangan inklusif** telah dilaksana bagi menjamin tiada golongan yang terpinggir. Ini **selari dengan matlamat Keluarga Malaysia** yang menekankan kesepakatan rakyat di semua peringkat umur tanpa mengira agama, bangsa dan kaum.

6. Malah sebenarnya, profesion ini tidak asing kepada saya kerana saya telah terlibat secara langsung semasa saya memegang portfolio Menteri, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW).
7. Pada ketika itu, saya merupakan ahli Mesyuarat Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) yang ditubuhkan di bawah Akta 172. Sekarang, tanggungjawab saya lebih besar memandangkan saya kini adalah **Pengerusi MPFN, majlis tertinggi yang menentukan hala tuju pembangunan spatial negara.**
8. Untuk pertama kalinya, saya telah **mempengerusikan Mesyuarat MPFN Bilangan Ke-39 pada 22 Oktober 2021** yang lalu. Di dalam mesyuarat ini, Rancangan Fizikal Negara Ke-4 telah dibentangkan dan diluluskan.

RANCANGAN FIZIKAL NEGARA : HALA TUJU STRATEGIK MEREALISASI ASPIRASI MALAYSIA BERDAYA HUNI

Hadirin yang dihormati,

9. Satu aspek yang penting dalam pembangunan negara adalah soal perancangan. Ada kata-kata menyebut “if you fail to plan, you are planning to fail”.
10. Demikianlah pentingnya perancangan lebih-lebih lagi melibatkan pembangunan fizikal negara. Ia harus dilihat secara strategik dan holistik dari segenap sudut dan melibatkan peranan aktif daripada pelbagai pemegang taruh.
11. Oleh sebab itu, saya berasa sukacita apabila dimaklumkan bahawa KPKT melalui peranan PLANMalaysia telah memuktamadkan dokumen Rancangan Fizikal Negara. RFN-4 ini merupakan dokumen strategik yang menggariskan dasar pembangunan spatial negara selaras dengan Rancangan Malaysia Lima Tahun atau RMKe-12 serta **menterjemahkan komitmen negara** di peringkat global seperti ***New Urban Agenda*** (NUA) dan ***Sustainable Development Goals*** (SDGs).

12. RFN Ke-4 telah dirangka dengan **3 Teras Pembangunan Utama, 11 Hala Tuju Strategik dan 39 Tindakan Pelaksanaan** bagi memastikan Malaysia mampu menjadi sebuah negara makmur (*prosperous nation*) dan berdaya tahan (*resilient*) dari segi ekonomi, alam sekitar dan keseimbangan sosial, demi menjamin kesejahteraan Keluarga Malaysia keseluruhannya.
13. Oleh sebab itu juga, RFN Ke-4 hendaklah menjadi satu *rolling-plan* strategik dalam merealisasikan aspirasi Malaysia Berdaya Huni atau Liveable Malaysia melalui kesemua kerangka yang di dalamnya. Sebagai sebuah negara yang sedang mencipta pelbagai kemajuan dan kejayaan, aspek daya huni ini perlu diberi penekanan sewajarnya.
14. Di seluruh dunia, **Daya Huni atau Livability menjadi satu instrumen penting dalam menarik pelaburan dan menjadikan persekitaran mesra pelabur**. Ini termasuklah soal *last-mile connectivity*, akses kepada internet, akses kepada kemudahan awam dan pelbagai lagi faktor yang diambil kira.
15. Kadar urbanisasi Malaysia yang kini mencapai tahap 77.2 peratus merupakan salah satu faktor penting dalam menjadikan tahap daya huni ini perlu diukur dan intervensi boleh dilakukan melalui pelbagai pendekatan sekiranya tidak mencapai tahap yang sepatutnya.
16. Dalam laporan Global Livability Index 2021 oleh The Economist Intelligent Unit atau EIU; kesan pandemik COVID-19 telah menyebabkan banyak bandar-bandar besar mengalami penurunan kadar daya huni. Pun begitu, ia turut menyebut bahawa antara kriteria "*plus point*" yang diperolehi oleh bandar-bandar yang menduduki 10 tangga teratas pada tahun 2021 adalah keupayaan menangani pandemik COVID-19.
17. Oleh sebab itu, Kerajaan memperkenalkan Pelan Pemulihan Negara (PPN) yang antara lain bertujuan untuk memulihkan dan mendayaupayakan semula ekonomi negara. Ini termasuklah melihat pendekatan pasca pandemik agar pembukaan semula aktiviti ekonomi dapat berjalan dengan selamat dan pengamalan norma baharu diberi keutamaan.

18. Untuk itu, bagi melihat keseluruhan pelaksanaan RFN Ke-4 serta aspek daya huni yang boleh memberi nilai tambah dalam merencanakan ekonomi negara, sukacita saya umumkan bahawa satu **INDEKS DAYA HUNI MALAYSIA** atau **MALAYSIA LIVABILITY INDEX** akan diperkenalkan oleh KPKT melalui peranan PLANMalaysia.
19. **Indeks Daya Huni Malaysia ini akan menjadi pengukuran berimpak tinggi** kepada semua lokaliti khususnya kepada PBT dalam memastikan perancangan perbandaran khususnya dirangka dengan mengambil kira kesemua kriteria di bawah RFN Ke-4. Indeks Daya Huni ini juga akan digunakan sebagai satu instrumen dasar ke arah menilai kemampuan bandar agar matlamat RFN Ke-4 dengan didasari RMKe-12, dapat dicapai sebaiknya.

100 TAHUN PROFESION PERANCANG BANDAR

Saudara dan saudari yang dikasihi,

20. Pada hari ini, kita telah dapat mengecapi pelbagai nikmat dan rahmat hasil daripada perancangan dan pembangunan yang cukup teliti, antaranya merupakan hasil kerja keras profesion planners – perancang bandar di negara kita.
21. Profesion ini saya anggap sebagai *the silent hero* yang menjadi titik mula kesemua pembangunan fizikal negara yang merangkumi Rancangan Struktur serta Rancangan Tempatan secara menyeluruh di semua peringkat Kerajaan.
22. 100 tahun bukan perjalanan yang singkat. 100 tahun ini bermaksud, profesion perancang bandar ini telah melalui evolusi dan transformasi yang cukup panjang dalam membina negara.
23. Di kesempatan ini, saya mewakili Kerajaan ingin **MERAKAMKAN UCAPAN SYABAS DAN TAHNIAH KEPADA SEMUA PERANCANG BANDAR** sama ada yang bertugas di peringkat Persekutuan, Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA), NGO, mahupun perunding-perunding swasta; baik yang masih

berkhidmat mahu pun yang sudah bersara. Anda semua adalah tulang belakang kepada perancangan pembangunan spatial yang dapat dinikmati oleh kita semua pada hari ini.

24. Sekalung tahniah juga saya ucapkan kepada **PLANMalaysia**, selaku **peneraju, pakar rujuk dan penasihat Kerajaan dalam perancangan bandar dan desa** kerana pro-aktif melaksanakan pelbagai program untuk meraikan Sambutan 100 Tahun Profesion Perancang Bandar di Malaysia.
25. Bertepatan tema sambutan pada hari ini, iaitu '**100 Tahun Perancang Bandar Menerajui Malaysia Berdaya Huni, Makmur dan Sejahtera**' saya berharap komitmen profesion perancang bandar akan terus gemilang bagi mewujudkan pembangunan bandar mampan yang dapat memenuhi keperluan Keluarga Malaysia.
26. Apa yang penting pada saat ini adalah mencorak perancangan fizikal negara untuk 100 tahun akan datang. Saya letakkan cabaran kepada para perancang bandar untuk melihat kelestarian pembangunan negara *beyond this 100 years*.
27. Usaha anda semua amat penting dalam merealisasikan hasrat Kerajaan untuk mewujudkan **Malaysia berdaya huni, berdaya saing dan makmur** ke arah menjadikan Malaysia terus membangun secara mampan seiring dengan pengagihan ekonomi yang adil, saksama dan inklusif.

PENUTUP

28. Akhir kata, kepada semua Perancang Bandar di Malaysia, **terima kasih atas sumbangan anda sepanjang 100 tahun ini**.
29. Teruskan komitmen anda, bersama-sama kita memajukan negara yang tercinta ini, ke arah kemakmuran dan kesejahteraan Keluarga Malaysia. Untuk itu, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, **saya dengan ini merasmikan**

**“MAJLIS SAMBUTAN 100 TAHUN PROFESION PERANCANG
BANDAR DI MALAYSIA SEMPENA SAMBUTAN HARI
PERANCANGAN BANDAR DAN DESA SEDUNIA 2021
PERINGKAT KEBANGSAAN; DAN
MELANCARKAN RANCANGAN FIZIKAL NEGARA KE-4 ”**

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.